

Naik taraf Sungai Kundang hujung tahun

KUNDANG - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor menyasarkan projek naik taraf Sungai Kundang akan dimulakan hujung tahun ini secara berfasa dengan kos dianggarkan RM20 juta.

Jurucakap JPS Selangor berkata, status naik taraf sungai tersebut masih dalam proses reka bentuk yang giat disiapkan supaya sasaran bukaan tender menjelang Ogos atau September berjalan lancar.


Menurutnya, jika semua pelan kerja mengikut jadual, projek dijangka siap sepenuhnya pada 2018.

"Masalah kekerapan banjir kilat di Bandar Baru Kundang dan sekitarnya memang dalam pemerhatian JPS.

"Kami tahu perkara tersebut berlarutan dalam tempoh lama, namun faktor bajet sebelum ini menyebabkan keadaannya semakin serius kebelakangan ini," katanya.

Beliau berkata, kolam takungan turut akan diberikan penumpuan, selain kerja naik taraf sungai yang menjadi keutamaan.

"Kolam takungan di situ



Air sungai melimpah apabila berlaku hujan lebat.

sudah ada, cuma perlu dilakukan penyelenggaraan dan melihat tambahan kolam tersebut bergantung kepada keperluan.

"Kita akan gunakan kaedah semulajadi yang mesra alam termasuk batu sangkar atau beg pasir selepas ker-

ja pebaran dan mendalamkan sungai berbanding konkrit dengan mengambil kira kesan kepada habitat di sana," katanya ketika turun ke kawasan Selayang dan Rawang bagi lawatan kerja dan meninjau status tebatan banjir yang dilakukan.